

21 AUG 1998

Mahathir-Pentadbiran

SISTEM PENTADBIRAN DAPAT AGIHKAN KEKAYAAN SAMA RATA

KANGAR, 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sistem pentadbiran persekutuan yang diamalkan di Malaysia terbukti berjaya memastikan kekayaan negara diagihkan secara sama rata ke seluruh negara.

Perdana Menteri berkata melalui sistem itu, kerajaan pusat melihat keperluan dan masalah pembangunan di peringkat makro manakala kerajaan negeri di peringkat mikro.

Sistem ini telah dapat membantu kerajaan mengagih-agihkan hasil cukai yang dipungut dari negeri-negeri maju ke negeri-negeri kurang berkemampuan, katanya ketika merasmikan Bangunan Persekutuan di sini.

Beliau berkata sistem itu berjalan baik kerana kecekapan para pentadbirnya.

Malah, katanya, sistem pentadbiran itu mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa apabila bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dipilih sebagai Presiden Persatuan Pentadbir-pentadbir Komanwel.

"Pemilihannya kerana sistem pentadbiran yang baik di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata sistem pentadbiran itu diwarisi sejak Merdeka tetapi ia telah diperbaiki lagi dan kini Malaysia berjaya mengisi kemerdekaannya dengan sistem pentadbiran yang baik.

Perlis, katanya, selalu mengalami (belanjawan) defisit dan bergantung kepada kerajaan Pusat untuk mendapatkan peruntukan.

Dengan adanya sistem itu, kerajaan Pusat dapat membantu negeri ini dengan mengagihkan kekayaan negara.

"Ada negeri yang ada pendapatan tinggi yang tidak senang hati melihat duit yang dipungut dari negeri-negeri berkenaan diagih-agihkan ke negeri-negeri yang lain.

"Tetapi kita juga mengingatkan negeri-negeri yang kaya ini bahawa mereka kaya kerana negara kita ini luas termasuk kawasan-kawasan yang terpencil dan miskin. Mereka juga mendapat faedah dari kawasan-kawasan yang dianggap miskin itu," katanya.

Menyentuh mengenai hutang kerajaan Perlis kepada kerajaan Pusat, Perdana Menteri secara berseloroh berkata ia tidak akan dimansuhkan.

"Hutang bank boleh diambil alih oleh Danaharta tetapi hutang kerajaan negeri tidak boleh," katanya secara berseloroh. (Pengurusan Danaharta Nasional Bhd ditubuhkan bagi mengambil alih hutang tidak berbayar daripada institusi perbankan).

Terdahulu, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata defisit terkumpul negeri itu berjumlah lebih RM108 juta dari 1995 hingga tahun ini.

"Survival kita di Perlis ketika ini sangat bergantung kepada sokongan dan bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat," kata Shahidan.

Bangunan Persekutuan setinggi lapan tingkat bernilai RM41 juta itu menempatkan 21 buah jabatan dan agensi kerajaan Pusat.

-- BERNAMA

JM NMO